

Pribumi tidak ditindas: PM

BR - 7 SEP 1990

Oleh **MUSTAPHA OMAR**
dan **MANJA ISMAIL**

BANDAR MUADZAM SHAH, Khamis — Perdana Menteri, Datuk Seri Mahathir Mohamad, hari ini menegaskan bahawa kerajaan tidak pernah menindas mana-mana masyarakat pribumi di negara ini.

Menurutnya, Malaysia lebih berperikemanusiaan berbanding beberapa negara maju yang lain di segi menjaga kebajikan masyarakat pribuminya, termasuk masyarakat Orang Asli.

"Kita memberi layanan sewajarnya kepada mereka, termasuk memberikan tanah untuk pembangunan secara tersusun di samping rumah dan pelbagai bantuan lain.

"Bagaimanapun, di beberapa negara maju seperti di Australia dan Kanada, nasib masyarakat pribuminya adalah buruk yang mana tanah mereka dirampas dan ada di antara mereka pula dibunuh," katanya.

Beliau mengambil contoh masyarakat pribumi Mohawk di Kanada yang tanah mereka dirampas untuk projek padang golf tanpa diberi pampasan, sehingga mereka tinggal di kawasan yang kecil dan tidak mengeluarkan hasil.

Perdana Menteri berkata, apabila pribumi berkenaan membantah dengan mengadakan sekatan, kerajaan negara itu menghantar tentera dan kereta kebal untuk mematahkannya.

"Keadaan ini berlaku di negara maju dan moden, yang mana penduduknya serta beberapa negara maju yang lain pernah mengecam Malaysia, kononnya tidak memberikan layanan baik kepada masyarakat Penan di Sarawak.

"Sebenarnya, masyarakat Penan diberi layanan baik dan kita puji mereka serta memberi bantuan supaya mereka dengan secara aman mengetepikan benteng manusia yang dibuat bagi menghalang kegiatan pembalakan di situ," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata demikian di Perhimpunan Bersama Masyarakat Orang Asli dan perasmian Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) Orang Asli Kedaik, dekat sini, hari ini.

Beliau diringi oleh Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Kheng Yaik, Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat

dan Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, Datuk Sabbaruddin Chik.

Perdana Menteri juga memberi contoh masyarakat Orang Asli di Australia yang hampir pupus akibat dibunuh, membunuh diri selepas dipenjarakan dan diberi minuman keras supaya mereka lupa kepada pembangunan.

Menurutnya, tindakan yang kejam dan zalim itu dilakukan bertujuan untuk menghapuskan masyarakat Orang Asli yang dikatakan menghalang kemajuan dan masa depan kaum pendatang.

"Kita tidak pernah berbuat demikian kerana kita mempunyai tamadun yang lebih tua daripada mereka dan negara kita juga adalah sebuah negara demokrasi.

"Walaupun jumlah masyarakat pribumi tidak ramai, kita memberi layanan sewajarnya kepada mereka hingga jumlah masyarakat pribumi di negara ini kini bertambah kepada 72,000 orang," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir juga kesal kerana ada penduduk di negara ini yang bersama negara maju berkenaan mengecam Malaysia satu ketika dulu, tidak berbuat apa-apa apabila negara maju berkenaan menindas masyarakat pribuminya.